

Peluang Kerjaya Graduan UMP dalam industri rel Projek ECRL



Kuantan, 9 Ogos- Projek Pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan Pantai Barat memberi manfaat graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menceburkan diri dan membina kerjaya dalam industri rel. Graduan yang berkelayakan bakal ditawarkan perkhidmatan dengan Syarikat Malaysian Rail Link (MRL) serta mengikuti Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) ECRL bermula bulan September ini.

UMP telah dilantik sebagai Universiti Fokal bagi Program Latihan Kemahiran Industri ECRL yang menjadi peneraju Program Latihan kemahiran Industri ECRL hasil rundingan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Malaysia Rail Link (MRL) dan Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China (CCCC). Tumpuan kerjasama ini membabitkan program latihan seperti pengambilan dan pendaftaran peserta, pembangunan silibus, latihan profesional dan latihan industri, penyediaan tenaga pengajar, kemudahan latihan, penyelidikan dan pembangunan serta juga menyokong kepada agenda kebolehpasaran graduan institusi pendidikan tinggi (IPT).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim, kepakaran dan pengalaman UMP dan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dalam bidang teknikal ini begitu relevan dalam menyumbang terhadap kelancaran dan kebolehpapaian matlamat bagi merealisasikan projek ini. Selain itu, pertumbuhan sektor pembuatan dan industri di Malaysia pada masa kini memerlukan lebih banyak tenaga pakar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang teknologi. Malahan pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga dilihat akan memberi lonjakan terhadap sistem pendidikan negara.



"PLKI ECRL akan melatih 3,600 orang graduan dalam tempoh 7 tahun dan pada peringkat ini lebih 300 tempat ditawarkan kepada lepasan universiti yang mempunyai kelulusan dalam bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal. Bilangan pelatih PLKI ECRL akan meningkat mulai Disember 2017 dengan pengambilan kedua seramai 250 graduan dengan jumlah sasaran 700 bakal dilatih sehingga akhir tahun 2018 di peringkat sijil, diploma dan ijazah," katanya.

Ujar beliau, Program akan diselaras pihak MRL dengan kerjasama Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) di universiti ini dan UMP telahpun membangunkan silibus dengan mendapat kerjasama pihak Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Southwest Jiaotong University (SWJU) bagi perkongsian pengetahuan dan teknologi dalam bidang pengangkutan keretapi.

Selain itu, gabungan kerjasama ini bakal dimanfaatkan industri dan komuniti akademik terutamanya di wilayah Pantai Timur dalam melatih graduan tempatan bagi memenuhi keperluan industri kereta api malahan dalam bidang keusahawanan dan lain-lain berkaitan.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Prof. Dr. Rizalman Mamat yang juga Ketua Koordinator Program PLKI ERCL UMP berkata, pihaknya telahpun menerima hampir 1000 permohonan daripada lepasan ijazah dan diploma di booth UMP yang dibuka sempena Majlis Pecah Tanah Projek ECRL di Kotasas Kuantan yang dirasmikan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



Bagi pelajar lepasan UMP, Lim Huad Chiang, 23, dari Kelantan berkata, beliau bersama empat rakan-rakan lain dari UMP berbangga apabila berjaya diterima bekerja di anak syarikat MRL sebagai jurutera. Mereka adalah Vallientina Ejah, Nur Asma Mahadi, Enelda Christy dan Tan Yee King yang bakal bergraduasi pada tahun ini akan mengikuti program PLKI ECRL pada September depan.

Program PLKI telah dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak melibatkan 13 institusi dengan MRL dan CCCC. Selain UMP termasuklah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Institut Teknologi MARA (UITM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaysia Perils (UNIMAP), Universiti Malaysia Kuala Lumpur (UNIKL), GIATMARA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai rakan usaha sama dan rakan-rakan strategik lain.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 10-08-2017, 14:02:25